

Kastam sita dua kontena rokok seludup bernilai lebih RM7 juta

Penyeludupan berselindung di sebalik operasi kilang turut dibongkar

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
ohnews@bh.com.my

Butterworth: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyita dua kontena rokok seludup bernilai lebih RM7 juta di Westport Pelabuhan Klang, Selangor pada 15 dan 20 Ogos lalu.

Pengarah JKDM Pulau Pinang, Datuk Rohizad Ali, berkata kontena dari Thailand itu dipercayai dalam perjalanan ke Republik Congo, Afrika dan transit di pelabuhan itu untuk memindahkan barang dagangan ke kapal lain, sebelum meneruskan perjalanan.



Rohaizad (tiga dari kanan) menunjukkan rokok seludup pelbagai jenama dalam serbuan di Pelabuhan Klang dan Taiping pada sidang media di Butterworth, semalam.

(Foto Aminah Yusoff/BH)

“Kontena itu didapati membuat pengisytiharan palsu di dalam borang dengan mengikrarkan sapu tangan, tuala dan tisu dari Thailand bagi mengaburi mata pihak berkuasa, walhal kontena mengandungi rokok seludup.

“Hasil pemeriksaan ke atas

kedua-dua kontena itu menemukan 25,900 batang rokok putih dianggarkan bernilai RM7.77 juta termasuk duiti kastam,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan lanjut mesin dijalankan termasuk mengenal pasti dalang dan kes itu

disiasat mengikut Seksyen 52(1), Seksyen 52 (3) dan Seksyen 52(4) Akta Kastam 1967.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Rohaizad berkata, satu lagi penyeludupan rokok yang mesin dijalankan termasuk mengenal pasti dalang dan kes itu sebuah kilang di Kawasan Per-

industrian Ringan Tupai dekat Taiping, Perak berjaya dibongkar pada 29 Ogos lalu.

Beliau berkata, serbuan dilakukan sepasukan anggota dari Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan JKDM Pulau Pinang, hasil maklumat daripada Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA) di sebuah kilang kejuruteraan.

Untuk pasaran tempatan

“Terdapat sebuah stor di dalam kilang terbabit yang dijadikan tempat menyimpan rokok seludup dan kami menemukan lebih dua juta batang rokok putih dan 254,400 batang kretek pelbagai jenama.

“Jumlah keseluruhan nilai dan duit atau cukai ialah RM2.34 juta dan semua rokok itu dipercayai untuk pasaran tempatan,” katanya.

Beliau berkata, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 50-an yang juga pemilik kilang turut ditahan untuk siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) Akta Kastam 1967.